

bekerja dengan bersungguh-sungguh untuk faedah diri, tanah air dan kaum bangsanya dan kita jua diperintah bekerja dengan sepenuh kerajinan mengerjakan amalan-amalan yang menjadi bekalan di akhirat. Dengan itu nyatalah kita tiada boleh meninggalkan salah satu daripada pekerjaan yang tersebut. Jika tertinggal nescaya merugikan kita.

Keagungan dan kemasyhuran Islam di zaman silam hanya tinggal di kitab tarikh sahaja di masa ini. Tetapi kita harus sedar bahawa sejarah itu akan berulang kembali. Untuk mengembalikan sejarah keagungan, terletak kepada pundak pemimpin-pemimpin Islam di hari ini dan generasi muda kebelakangan ini menempa sejarah dan bukannya sejarah menempa kita. Maka senipis itu jua hapuslah kebekuan yang tersemat di pemikiran Islam.

Kebekuan umat Islam di hari ini berpunca dari kepercayaan karut yang menghinggapi umat Islam sehingga ke dalam jiwanya yang menimbulkan pergolakan politik khalifah-khalifah Islam yang terkemudian dan menjadikan politik yang curang di dalam Islam.

Dari semenjak itulah Islam jatuh ke tangan pemimpin-pemimpin golongan politik Islam yang tidak mengerti tentang pengetahuan Islam. Dan merekalah yang mengajar orang-orang Islam mengubah wali-wali dan ulama-ulama. Pemikiran yang jumud (beku) dalam hukum-hukum syarak menyebabkan kesempitan dan kepayahan yang menjauhkan orang ramai daripada mempraktikkannya. Segala penyelewengan akhlak dari batas hukum-hukum Tuhan yang terjadi di desa dan di bandar

adalah bersumber dari dua faktor.

Pertama tidak ada golongan orang yang benar-benar mengerti hukum Islam sehinggakan penduduknya kehilangan tempat bertanya untuk mengumpul hukum-hukum halal dan haram. Kedua ialah kelemahan ahli cendekiawan agama tentang menerangkan selok-belok agama dengan bahasa dan yang dapat diterima oleh akal orang ramai. Mereka masih menggunakan bahasa asing yang susah dimengerti orang.

Umat Islam dapat mengatasi kebekuan umat Islam di masa ini ialah dengan menyelidiki sebab-sebab kebekuan itu timbul, dan mencari inisiatif yang jitu untuk membasminya. Ini adalah boleh dilaksanakan dengan dipersoalkan di dalam Mukhtamar Islam.

Maruah agama Islam adalah wajib dipelihara daripada menerima cabaran agama lain yang ingin memesongkan pengertian Islam yang sebenarnya. Cara menjawab segala cabaran itu ialah dengan bersatu mewujudkan komanwelnya Islam. Mungkin jikalau tidak wujud komanwelnya Islam itu akan sentiasalah blok timur dan barat itu mengancam ketenteraman umat Islam. Kerana dengan bersatulah setiap kelemahan menjadi kuat dan setiap kemunduran akan maju. Orang-orang Islam mestilah sedar akan bahaya pertelingkahan di antara blok timur dengan barat yang mungkin mengorbankan beberapa jiwa yang tidak berdosa.

Islam adalah menggalakkan umatnya supaya menuntut ilmu, kerana menuntut ilmu itu fardu ain bagi tiap-tiap

Tahukah Tuan...?



Jualan sampul setem hari yang pertama telah mulai dilakukan di England dari sejak tahun 1870 lagi. Sambutan-sambutan yang diberikan oleh para pembeli pada hari yang pertama itu sangat memuaskan hingga pada hari itu terpaksa beberapa orang pasukan polis dihantar ke pejabat-pejabat post tempat menjual setem-setem tersebut untuk mengambil bahagian menjualkan setem-setem itu kepada orang ramai. Dengan cara ini terhindarlah daripada berlakunya huru-hara dan kekacauan orang ramai yang berebut-rebut hendak membeli setem-setem tersebut. Kalau dibandingkan dengan kesibukan hari penjualan setem yang mengandungi gambar angkasawan-angkasawan Amerika di New York baru-baru ini, lebih ramai lagi kesibukan yang berlaku pada hari penjualan setem di England pada tahun 1870 itu.

---

orang Islam. Sebab dengan ilmu sahaja dapat menjadi panduan hidup umat Islam di masa kebelakangan ini. Marilah kita tanamkan semangat keIslaman di jiwa generasi muda dan hindarkan dari pengaruh barat.